

SUSULAN BH BONGKAR PELOMBONG  
BAUKSIT LANGGAR ARAHAN MORATORIUM

# 4.8 juta tan bauksit masih 'tersadai'

BH. 6/8/2017, ms. 16

→ Kesukaran kosongkan, eksport stok simpanan cetus tanda tanya

Fakta nombor

10 PERATUS

sahaja berjaya dikosongkan atau dieksport selepas setahun



Wan Junaidi menyampaikan sumbangan bantuan kecemasan dan MRP bagi Parlimen Santubong di Kuching, semalam.

Oleh Rudi Affendi Khalik  
bhnews@bh.com.my

► Kuching

**K**ementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mendedahkan, masih terdapat 4.8 juta tan bauksit 'tersadai' di beberapa pusat pengumpulan mineral berkenaan di Kuantan dan kawasan sekitarnya sehingga kelmarin.

Menterinya, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata perkembangan terbaru itu mencetuskan tanda tanya, lebih-lebih lagi selepas lebih setahun tempoh masa diberikan kepada pemain industri melakukan proses pengosongan stok.

"Kerajaan Persekutuan mengambil inisiatif menguatkuasakan tempoh moratorium sejak awal tahun lalu, khusus bagi memberi masa kepada pemain industri mengosongkan stok, termasuk mengeksport mineral itu.

"Bagaimanapun, cukup mengejutkan apabila dimaklumkan masih terdapat longgokan bauksit dalam jumlah agak besar di beberapa pusat pengumpulan," katanya.

Beliau mengulas pendedahan BH

mengenai tindakan pelombong bauksit melanggar tempoh moratorium yang dikuatkuasakan kerajaan di Kuantan, dengan ada antaranya dipercayai operator dan syarikat perlombongan dilesenkan.

Kelmarin, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan 10 individu, termasuk kakitangan kerajaan dalam operasi besar-besaran memerangi perlombongan bauksit secara haram di Pahang.

Yang terdahulu, Wan Junaidi menghadiri Majlis Penyerahan Geran Projek Kecil (MRP) dan Bantuan Kecemasan Pusat Khidmat Ahli Parlimen Santubong di Surau Darul Hijrah, Taman Impian Samariang, di sini, semalam.

## Timbulkan kemusykilan

Wan Junaidi ketika mengulas lanjut, berkata perkembangan itu menimbulkan kemusykilan, lebih-lebih lagi selepas tempoh secukupnya diberikan kepada pemain industri untuk mengosongkan stok bauksit mereka.

"Kita sedang menyiasat bagaimana perkara ini boleh berlaku, termasuk mengenal pasti punca sebenar kejadian. Difahamkan, ada

dalam kalangan pemain industri yang berdegil dan masih tidak mengosongkan stok mereka.

## Teruskan aktiviti melombong

"Tetapi, mereka terus melombong sedangkan tempoh moratorium masih dikuatkuasakan. Untuk apa mereka melombong sedangkan stok masih 'tersadai' dan pusat pengumpulan belum dikosongkan. Ini kita sedang siasat," katanya.

Ketika tempoh moratorium dikuatkuasakan pada 15 Januari 2016, sejumlah 5.4 juta tan stok simpanan bauksit berada di Pelabuhan Kuantan dan lokasi perlombongan mineral itu di FELDA Bukit Goh, namun kira-kira 10 peratus dari jumlah itu dikosongkan atau dieksport sehingga kini.

"Jika stok simpanan ini tidak dikosongkan, kita tiada pilihan kecuali meneruskan tempoh moratorium. Maka, pemain industri yang bakal menanggung kerugian, bukan kerajaan.

"Kita juga sedang meneliti beberapa inisiatif, termasuk keperluan mengeluarkan permit khas bagi membantu pemain industri mengeksport stok simpanan bauksit yang masih 'tersadai' itu," katanya.